

HARIAN METRO (SETEMPAT) 19 JAN 2016 m/s 31

UMPH, PUO jalin kerjasama

Putrajaya: Universiti Malaysia Pahang Holdings Sdn Bhd (UMPH) menjalin kerjasama dengan Politeknik Ungku Omar (PUO) bagi melaksanakan projek Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) dalam Bidang kejuruteraan Sivil dan Pembinaan.

Menerusi kerjasama itu, penuntut yang berpotensi berpeluang menjalani lati-

han industri di UMPH atau mana-mana anak syarikatnya pada masa depan.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam PUO Che Nor Azman Che Wan berkata, kerjasama itu sebagai inisiatif bagi membantu dan melahirkan graduan yang mampu berdaya saing dan berupaya menghadapi cabaran pekerjaan sebenar.

“UMPH juga bersetuju memberi ruang kepada pelajar PUO bagi menjalani latihan praktikal secara berstruktur yang mengambil masa 40 minggu di bawah pengawasan kedua-dua pihak,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pertukaran Nota Persefahaman antara UMPH dan PUO, semalam.